# Membentuk identiti serantau

**Naib** Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dilantik Presiden Lembaga Pemegang Amanah The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL) bermula Januari 2015.

Beliau menggantikan Prof Dr Idrus A Paturusi dari Indonesia.

Perlantikan berlangsung ketika persidangan pertubuhan itu di Nanyang Technological University, Singapura, baru-baru ini.

ASAIHL membantu institusi anggota untuk membentuk identiti serantau, mencapai persamaan antarabangsa dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan awam.




DR Mohd Fauzi ( kanan) bergambar kenangan bersama mantan ASAIHL, Dr Idrus.